

10 NOV 2003

Abdullah-Lulus

ABDULLAH LULUS UJIAN SEBAGAI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, Nov 10 (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menganggap beliau lulus ujian sebagai Perdana Menteri selepas seminggu memegang jawatan itu.

Katanya, laporan media tempatan dan luar negara telah memberikan pandangan positif terhadap kepimpinan beliau sejak mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Okt lepas.

"Saya tak kata apa, saya sedikit rasa kepuasan dengan tindakan yang saya ambil ini nampak baik. Daripada laporan akhbar-akhbar, nampaknya telah memberi pandangan, kata mereka minggu pertama lulus ujian," katanya dalam Rancangan "Bersama Perdana Menteri" terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang disiarkan TV1 malam ini.

Rancangan selama 40 minit yang dihoskan oleh Mohsin Abdullah dan Hishamuddin Aun itu dirakam terlebih dahulu di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini sebelum disiarkan pada pukul 10 malam.

Abdullah ditanya mengenai kesimpulan beliau setelah seminggu memegang jawatan sebagai Perdana Menteri.

Dalam rancangan itu, Abdullah telah ditanya pelbagai soalan yang meliputi aspek politik, kepimpinan, hubungan keluarga, hubungan dengan negara jiran serta ekonomi negara.

Ditanya rancangan melawat negara-negara jiran, Abdullah berkata beliau belum memutuskan bila untuk membuat lawatan memandangkan terdapat banyak perkara yang perlu diutamakan.

"Belum lagi, bulan Ramadan ini kita tak pergi lagilah kerana banyak lagi perkara yang perlu diambil perhatian di dalam negara," katanya.

Beliau berkata ini termasuk berjumpa dengan pelbagai kumpulan yang mewakili pelbagai pihak di negara ini, termasuk kumpulan Dewan Perniagaan dan Perindustrian bagi mendekati dan menjelaskan perkara-perkara yang hendak dilakukannya sebagai Perdana Menteri.

Ditanya keakraban hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran, Abdullah mengakui terdapat beberapa isu berbangkit yang perlu diselesaikan seperti masalah Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan Indonesia, isu air dan penambakan laut dengan Singapura serta masalah sempadan dengan Thailand, Brunei dan Filipina.

"Apa yang penting saya akan berusaha bersungguh-sungguh supaya apa jua masalah dapat diselesaikan. Prinsip kita dengan negara jiran, kita mesti berkawan, jiran yang baik dan yang lebih penting, lebih baik daripada sahabat yang jauh," katanya.

Ditanya mengenai tindakan sesetengah pihak yang masih membandingkan beliau dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Abdullah berkata beliau tidak merasa rimas dengan perbandingan itu memandangkan orang ramai sudah biasa dengan Dr Mahathir sehinggakan beliau dikenali sebagai Perdana Menteri atau PM.

"Orang sudah mula terima cara Dr Mahathir sebagai cara PM, jadi kalau ada orang baru macam saya ini, apakah pula cara Pak Lah,

"Bila saya nak balik Pulau Pinang (selepas dilantik sebagai Perdana Menteri), orang kata pakai kapal terbang "Perdana One", saya kata itu PM punya tapi mereka kata Pak Lah la PM. Kadang-kadang tersasul juga," katanya.

Menyentuh mengenai kepimpinan beliau, Abdullah berkata semua masyarakat perlu memberikan kerjasama mereka selaras dengan prinsip "good governance" dan tak semestinya bergantung kepada beliau.

"Kalau ada pendekatan sendiri, Ok. Kita ambil dan sebarkan pada orang lain. Kita mesti terus meminjam, kita menerima idea baik, tidak timbul soal hendak berbangga," katanya.

Abdullah juga berkata rakyat perlu tahu bila negara berada dalam sesuatu krisis, mereka perlu bersatu padu dan mengetepikan perbezaan masing-masing demi kepentingan negara, bangsa dan agama.

-- BERNAMA

AT MUN MOZ